

06 AUG 1998

NUBE-Pekerja

NUBE MINTA KERAJAAN TOLAK CADANGAN MTUC

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) meminta kerajaan menolak cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya sebuah dana khas ditubuhkan untuk membantu pekerja yang diberhentikan.

Setiausaha Agung NUBE, K. Sanmugam berkata NUBE membantah keras cadangan itu kerana pekerja dikehendaki menyumbang kepada Skim Pampasan Berhenti Kerja Secara Sukarela.

Ia telah menulis surat berhubung dengan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sanmugam berkata jika kerajaan mahu juga memperkenalkan skim seperti itu, ia haruslah dibiayai oleh kerajaan sendiri atau oleh majikan dan kerajaan. Jika tidak cadangan itu hendaklah digugurkan.

Bulan lalu, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata selepas mengadakan pertemuan dengan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) bahawa Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) telah menolak cadangan itu.

Kerajaan bersikap berkecuali berhubung dengan cadangan berkenaan.

MTUC sebelumnya mencadangkan supaya pekerja menyumbang RM1 setiap seorang kepada skim itu dengan majikan menyumbang jumlah yang sama.

Menurut MTUC, langkah itu ialah untuk membantu pekerja yang diberhentikan berikutan kegawatan ekonomi dan memberi jaminan jangka panjang kepada mereka dan keluarga mereka.

Sanmugam berkata NUBE menolak cadangan itu kerana berpendapat pekerja tidak harus dibebankan dengan potongan gaji dan skim itu membabitkan cuma pekerja yang makan gaji.

"Bagaimana pula dengan mereka yang bekerja sendiri, petani dan nelayan yang juga terjejas akibat kegawatan ekonomi.

"Mereka juga harus mendapat faedah daripada skim itu," kata beliau.

-- BERNAMA

NZ FAZ